



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**NAZIR KHAS (B.3)  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Hal Ehwal Ugama.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana - mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**NAZIR KHAS  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 / G.13 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

2. Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 / G.12 / G.11 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Hendaklah mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan Ugama.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dengan baik.
5. Mempunyai pengalaman dalam menjalankan tugas-tugas nazir adalah kelebihan.
6. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam bagi membantu mempertimbangkan perkembangan, pembelajaran, perbincangan dan khidmat nasihat dari hasil setiap lawatan dan pencerapan yang dibuat;
2. Membuat lawatan ke semua jenis persekolahan di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam;



3. Membuat penelitian laporan-laporan yang dihadapkan mengenai hasil-hasil lawatan yang dibuat;
4. Sebagai Penasihat kepada guru-guru dalam bidang perkembangan akademik yang dikhkususkan oleh Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam;
5. Merancang dan melaksanakan langkah-langkah / program / bengkel / aktiviti untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru-guru ke arah yang lebih terancang, menarik, berkualiti dan efektif di sekolah-sekolah Arab;
6. Memastikan penyusunan, perancangan dan pelaksanaan rancangan jadual lawatan semua Nazir dan Pegawai lawatan ke tempat-tempat tadahan masing-masing;
7. Memantau dan memastikan semua lawatan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik oleh semua Nazir / Pegawai lawatan;
8. Menyelia pemeriksaan, penilaian pencerapan hasil daripada lawatan-lawatan Nazir/ Pegawai lawatan yang berada di bawah tadahan supaya guru-guru yang memerlukan lawatan susulan atau perlu kepada bimbingan akan dapat diberi lebih perhatian yang sewajarnya;
9. Bersedia memberikan kerjasama dengan Bahagian-Bahagian lain di dalam Jabatan Pengajian Islam; dan
10. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah dan Pegawai atasan dari semasa ke semasa.